

Empat universiti kita 23 terbaik dunia

SERDANG - Empat universiti awam Malaysia berstatus universiti penyelidikan yang berusia di bawah 50 tahun kini tersenarai dalam kelompok 23 universiti terbaik dunia.

Berdasarkan senarai ranking dunia bagi 2017/2018 terbitan Quacquarelli Symonds (QS) semalam, Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya melonjak ke kedudukan ke-15 daripada tempat ke-38 pada 2016.

Selain itu, ranking Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga melonjak daripada posisi ke-32 kepada kedudukan ke-16, diikuti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM), masing-masing di kedudukan ke-21 dan ke-23 daripada kedudukan 30 dan 26 sebelum ini.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, bagi universiti berusia di bawah 50 tahun, pencapaian atau kedudukan terkini itu membuktikan usaha kementerian dan universiti dalam merangsang budaya penyelidikan mula membuahakan hasil.

“Untuk UPM, peningkatan itu tentunya sesuatu yang menggembirakan,” katanya pada sidang media selepas melancarkan Program Transformasi Kepimpinan Sukan anjuran Akademi Sukan UPM dan Sports Warrior Global (SWG) di UPM, semalam. - *Bemama*